

LINDUNGI TANAMAN DARIPADA JANGKITAN PENYAKIT

August 4, 2016, Thursday

Semua pintu masuk ke negeri ini akan dilengkapi unit kuarantin tumbuhan dan produk pertanian

// Oleh Patricia Gari //

Borneo Post



theborneopost.com
utusanborneo.com.my

RASMI: Uggah memukul gong sebagai tanda merasmikan ICPPT Ke-9 di Kuching semalam.

KUCHING: Semua pintu masuk ke negeri ini akan dilengkapi unit kuarantin tumbuhan dan produk pertanian.

Timbalan Ketua Menteri Datuk Amar Douglas Uggah Embas berkata ia sebagai langkah pencegahan terbaik bagi memastikan tanaman pertanian di Sarawak tidak dijangkiti sebarang penyakit.

“Inilah langkah yang sangat penting untuk memastikan tidak ada produk pertanian atau tumbuh-tumbuhan dibawa masuk ke Sarawak dijangkiti penyakit.

“Kita mahu tegas dalam hal ini kerana kemaslahatan yang bakal berlaku adalah amat besar kepada produk atau tanaman pertanian jika virus atau bakteria penyakit tersebar daripada produk pertanian yang diimport,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan Persidangan Perlindungan Tumbuh-Tumbuhan Tropika Antarabangsa (ICPPT) Ke-9 di sebuah hotel di sini, semalam.

Uggah yang juga Menteri Pemodenan Pertanian dan Ekonomi Luar Bandar berkata masih terdapat beberapa pintu masuk sempadan negeri ini seperti Serikin, Lachau dan Ulu Baram tidak dilengkapi fasiliti mengkuarantin tumbuhan.

Menurut beliau, ketika ini terdapat 17 pintu masuk ke Sarawak dilengkapi kemudahan kuarantin tumbuhan yang melakukan saringan dan pemeriksaan ke atas tumbuhan atau produk pertanian dibawa masuk ke negeri ini.

“Dari 2014 hingga sekarang, 82 produk pertanian yang dibawa masuk ke Sarawak dikesan dijangkiti penyakit,” katanya.

Sementara itu dalam ucapan perasmianya Uggah berkata setakat ini Sarawak bebas daripada dua penyakit bawaan bakteria yang sering menyerang pokok pisang dan betik (Erwinia).

Katanya kerajaan negeri menerusi kementeriannya mengambil langkah berjaga-jaga untuk melindungi status ‘bersih’ itu antaranya memperkenalkan penggunaan peralatan tanaman kultur meristem pisang yang bersih.

Kementeriannya juga tambahnya, tidak menggalakkan penggunaan benih betik yang diambil dari kawasan tanaman dijangkiti penyakit.

Selain itu katanya, ancaman kumbang atau serangga ke atas biji buah mangga dan rumpai Mexico beracun (*Parthenium hysterophorus*) sentiasa dipantau.

Katanya lagi memandangkan penekanan yang tinggi diberikan ke atas perdagangan komoditi pertanian dalam pasaran antarabangsa dan bagi mengelak halangan dagangan, produk pertanian Sarawak mesti memenuhi syarat-syarat keselamatan makanan serta kuarantin tumbuhan khusus negara-negara pengimport.

Tambahnya, pendekatan-pendekatan proaktif yang diambil kementeriannya selama ini membolehkan Sarawak merekodkan kadar perlanggaran sisa racun serangga terendah iaitu 2.6 peratus pada 2015.

Mengenai persidangan itu, Uggah berkata ia merupakan landasan terbaik untuk semua pihak berkepentingan bertukar idea, kepakaran serta pengalaman dalam melindungi tumbuhan di negeri ini khasnya dan Malaysia amnya.

Persidangan bertema ‘Tanaman Yang Sihat Untuk Dunia Yang Sihat’ berlangsung selama lima hari dianjurkan Persatuan Perlindungan Tumbuh-Tumbuhan Malaysia (PPTM) dengan kerjasama Univerisiti Putra Malaysia, Universiti Malaysia Sarawak, Universiti Teknologi MARA Sarawak, Lembaga Koko Malaysia dan Lembaga Lada Malaysia dengan sokongan Biro Konvensyen Sarawak (SCB).

Hadir sama Pengerusi PPTM Profesor Dr Abdul Shukor Juraimi, Pengerusi Penganjur ICPPT Ke-9 Profesor Dr Hafidi Mohd Noor, Rektor UiTM Sarawak Dr Jamil Hamali dan Pengarah Urusan SCB Mike Cannon.